

02 MAR 1999

Goh-globalisasi

NEGARA-NEGARA AKAN CARI ALTERNATIF, KATA GOH

SINGAPURA, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata negara-negara di dunia akan mencuba alternatif yang lain jika masalah sebenar pasaran global tidak ditangani.

Sambil memetik kenyataan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa "rakyat tidak lagi dapat berpegang dengan apa yang dikatakan sistem pasaran bebas", Goh berkata nilai globalisasi kini dipersoalkan oleh banyak ekonomi membangun.

Malaysia mengenakan sekatan mata wang dan modal terpilih untuk melindungi ekonominya daripada serangan spekulatif dan negara kini sedang menuju ke arah pemulihan.

"Jelas sekali, jika masalah sebenar pasaran global tidak ditangani, memang menjadi kelaziman bahawa negara-negara di dunia akan lambat laun mencuba alternatif yang lain," katanya ketika berucap kepada Asia Society Australasia Centre di Sydney hari ini. Goh kini dalam rangka lawatan kerja selama lima hari ke Australia.

Dalam ucapannya yang dikeluarkan di sini, Goh kesal kerana kurangnya tindakan segera ke arah mewujudkan satu kerangka kewangan antarabangsa yang baru.

Beliau berkata usaha-usaha Amerika Syarikat terjejas kerana tidak ada konsesus yang jelas di negara itu berhubung masalah itu atau penyelesaiannya selain kegagalan Amerika memujuk rakan G-7 terutama dari Eropah, untuk mengambil tindakan bersepadu dengan segera.

Pemimpin Singapura itu juga menyuarakan keyakinannya bahawa Asean tidak akan kecundang walaupun krisis itu telah menjejaskan reputasi perkumpulan Asia Tenggara itu dan anggota terbesarnya, Indonesia, menghadapi masalah dalaman yang serius.

"Kita telah dapat menghadapi pergolakan politik yang lebih kuat di masa lampau. Asean kini lebih mantap berbanding pada tahun 1970-an. Ribut kali ini tidak akan menenggelamkan kita," katanya.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

TCL AKD